

15 MAR 2002

Mahathir-Pelajar(Bergambar)

KEMUDAHAN E-PERUBATAN DI MALAYSIA ANTARA YANG TERBAIK

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

MOSCOW, 15 Mac (Bernama) -- Kerajaan akan meningkatkan kemudahan untuk e-perubatan selaras dengan kedudukan negara sebagai antara yang paling maju dalam bidang itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berharap lebih banyak doktor dan pakar tempatan akan berkhidmat dengan kerajaan untuk memanfaatkan kemudahan e-perubatan yang disediakan itu.

"Kita sekarang ini dianggap sebagai antara negara termaju dalam e-medicine berbanding dengan negara maju pun," katanya pada pertemuan dengan penuntut Malaysia yang mengikuti jurusan perubatan di sini, malam semalam.

Dr Mahathir berkata, beliau menyedari perkara itu ketika berada di London baru-baru ini apabila seorang doktor Inggeris menyatakan pada satu seminar bahawa Malaysia jauh lebih maju dalam bidang itu berbanding banyak negara lain.

Doktor itu berkata Malaysia lebih maju dalam aspek itu berbanding banyak negara lain.

Dr Mahathir berkata kini terdapat dua hospital "paperless" dan tujuh lagi dalam pembinaan.

"Kita dapat menyediakan kemudahan ini tetapi kalau orang kita (dokter-dokter) memilih untuk bekerja di sektor swasta maka rakyat terutama yang miskin tidak dapat dirawat oleh doktor Malaysia sendiri, katanya.

Menurut beliau, kerajaan tidak perlu mengambil doktor asing sekiranya lebih banyak doktor tempatan berkhidmat dengannya untuk berbakti kepada masyarakat.

Dr Mahathir yang berada di Moscow untuk lawatan rasmi tiga hari berkata bilangan penuntut Malaysia yang bertambah di Rusia mencerminkan hubungan rapat antara kedua-dua negara.

"Sekarang ini yang datang belajar dalam bidang perubatan tetapi kita tahu di Rusia banyak bidang lain yang mereka mempunyai pengetahuan tinggi terutama aero angkasa (aero angkasa) dan bidang sains lain," katanya.

Malaysia juga memerlukan rakyat yang terlatih dalam bidang-bidang berkenaan, kata Dr Mahathir.

Duta Malaysia ke Rusia Dr Kamarudin Mustafa berkata 90 penuntut Malaysia sedang mengikuti kursus perubatan di Rusia atas pembiayaan sendiri.

Selain pengiktirafan yang diberikan kerajaan terhadap ijazah perubatan daripada lima institusi pengajian tinggi di Rusia, kos yang lebih murah sebanyak RM120,000 untuk enam tahun pengajian mendorong para pelajar berkenaan memilih Rusia.

Kamarudin mencadangkan agar kerajaan mewujudkan rumah Malaysia di Moscow untuk dijadikan pusat berinteraksi para pelajar dan tempat penginapan sementara bagi mereka yang baru tiba untuk memulakan pengajian.

-- BERNAMA

AZZ KK HS PR